

BAHAGIAN 3

SPEKIFIKASI TEKNIKAL

*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
NEGERI PULAU PINANG*

BAHAGIAN 3

SPESIFIKASI SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BAKA TERNAKAN UNTUK TUJUAN PEMBIAKBAKAN PESERTA PROJEK PERINTIS JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI PULAU PINANG

1. PENDAHULUAN

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang (JPVPP) telah merangka dan mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri untuk menjayakan Projek Perintis yang telah bermula sejak tahun 2021 kepada lapan (8) orang penternak berskala komersial dan semi komersial ruminan untuk meningkatkan tahap pengeluaran di ladang penternak dengan bantuan secara berturut kepada penternak yang terpilih iaitu; naiktaraf infrastruktur (2021) dan bantuan baka ternakan (2022).

2. TUJUAN

Bantuan baka ternakan pada tahun 2022 adalah sebagai satu langkah Jabatan untuk meningkatkan kualiti genetik ternakan sedia ada di ladang penternak dan meningkatkan produktiviti ternakan serta pendapatan penternak seiring dengan matlamat Jabatan untuk meningkatkan tahap sara diri (SSL) daging dan susu di negeri Pulau Pinang.

3. SPESIFIKASI

Spesifikasi yang perlu dibekalkan adalah seperti berikut : -

| Bil | Perkara | SPESIFIKASI MINIMUM | Kuantiti |
|-----|--|--|--|
| 1 | Penjantan baka: a) Kambing Boer b) Kambing Saanen c) Bebiri Barbados d) Lembu Brahman kacukan | - <u>Umur bebiri dan kambing:</u> 18 – 24 bulan / sekurang-kurangnya sepasang gigi kekal. - <u>Umur lembu:</u> 24 – 36 bulan / sekurang-kurangnya sepasang gigi kekal. - <u>Berat bebiri dan kambing:</u> 35 – 50 kg. - <u>Berat lembu:</u> 190 – 260 kg. - Tidak cacat anggota dan penglihatan. - Mempunyai ciri-ciri fizikal bagi | a) Kambing Boer : 1 ekor b) Kambing Saanen : 2 ekor c) Bebiri Barbados : 1 ekor d) Lembu Brahman kacukan : 3 ekor |

| | | | |
|---|---|--|--|
| | | <p>baka yang diperlukan.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mempunyai “<i>body score condition</i>” yang baik iaitu tidak terlalu kurus dan tidak terlalu gemuk. - Mempunyai testis yang bersaiz sama dan seimbang di dalam skrotum. - Mempunyai anatomi organ pembiakan (<i>penis</i> dan <i>prepuce</i>) yang sempurna dan tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda keradangan, pembengkakan dan ketumbuhan serta tidak tergantung sehingga ke tanah atau pangkal kaki. - Pergerakan yang aktif dan mempunyai kaki yang tegak serta ciri-ciri “<i>phenotypic appearance</i>” yang baik. - <u>Ukur lilit scrotum minimum</u>: Boer - 22cm, Saanen - 22 cm, Barbados Black Belly - 23 cm dan Brahman kacukan - 24 cm. | |
| 2 | <p>Betina baka:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Kambing Boer b) Kambing Saanen c) Bebiri Barbados d) Lembu Brahman kacukan e) Friesien-Holstein | <ul style="list-style-type: none"> - <u>Umur bebiri dan kambing</u>: 18 – 24 bulan / sekurang-kurangnya sepasang gigi kekal. - <u>Umur lembu</u>: 24 – 36 bulan / sekurang-kurangnya sepasang gigi kekal. - <u>Berat bebiri dan kambing</u>: 28 – 40 kg. - <u>Berat lembu</u>: 180 – 250 kg. - Tidak cacat anggota dan penglihatan. - Mempunyai ciri-ciri fizikal bagi | <ul style="list-style-type: none"> a) Kambing Boer : 14 ekor b) Kambing Saanen : 16 ekor c) Bebiri Barbados : 12 ekor d) Lembu Brahman kacukan : 18 ekor |

| | | | |
|---|---------------|--|-------------------------------|
| | | <p>baka yang diperlukan.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mempunyai “<i>body score condition</i>” yang baik iaitu tidak terlalu kurus dan tidak terlalu gemuk. - Mempunyai ambing susu yang sama dan seimbang kedudukannya. - Mempunyai puting susu yang baik dan tidak cacat; 2 puting susu bagi kambing dan bebiri manakala 4 puting susu bagi lembu. - Mempunyai anatomi organ pembiakan (vulva) yang sempurna dan tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda keradangan, pembengkakan dan ketumbuhan. - Pergerakan yang aktif dan mempunyai kaki yang tegak serta ciri-ciri “<i>phenotypic appearance</i>” yang baik. | e) Friesien-Holstein : 5 ekor |
| 3 | Punca bekalan | Tempatan | N/A |

Contoh Gambar Bekalan



Baka Saanen



Baka Boer



Baka Barbados Black Belly



Baka Friesien Holstein



Baka Kacukan Brahman